

D440

R B647 AAB

MAHATHIR - DENMARK

(I)

KUALA LUMPUR, 17 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA BERHARAP DAPAT MEREbut PELUANG DARIPADA POTENSI PASARAN DENMARK DAN MENJADIKAN DENMARK SEBAGAI PUSAT PENGEDARAN UTAMA BAGI EKSPORT MALAYSIA KE NEGARA-NEGARA NORDIK, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

BELIAU PERCAYA USAHA KE ARAH PENCAPAIAN OBJEKTIF INI MERUPAKAN LANGKAH POSITIF DEMI MENINGKATKAN JUMLAH PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN PADA MAJLIS MAKAN MALAM BAGI MERAIKAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI DENMARK ENCİK POUL SCHLUTER DI KEDIAMAN RASMINYA, SRI PERDANA, DI SINI MALAM INI.

KATANYA, BELIAU BERSEEDIA MENDENGAR SEBARANG PANGANGAN DARI ENCİK SCHLUTER MENGENAI ISU-ISU DUA HALA DAN ANTARABANGSA YANG DAPAT MENINGKATKAN KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

BELIAU MENYIFATKAN LAWATAN SEUMPAMA INI SEBAGAI KESEMPATAN YANG BAIK DAN MEMBERI PELUANG BAGI MENILAI KEMAJUAN YANG DICAPAI SETAKAT INI DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-DENMARK DEMI MEMPERKUKUKKAN HUBUNGAN DUA HALA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA. -- LAGI

2329MST 17 03 88

D441

R B648 AAB

MAHATHIR - DENMARK 2 KUALA LUMPUR

(I)

SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU, KOMODITI TELAH MENCATATKAN HARGA YANG RENDAH YANG MERUPAKAN SATU DARIPADA FAKTOR BAGI KEMEROSOTAN NILAI EKSPORT MALAYSIA KE DENMARK, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BERHARAP DAPAT MENGATASI MASALAH DEFISIT PERDAGANGAN DEMI MENJALIN HUBUNGAN PERDAGANGAN YANG LEBIH SEIMBANG DENGAN DENMARK.

WALAUPUN MALAYSIA MENAWARKAN PELBAGAI INSENTIF, PERTUMBUHAN PELABURAN DENMARK DI NEGARA INI BELUM MENCERMINKAN POTENSI SEBENAR DENMARK, TEGAS PERDANA MENTERI.

+MALAYSIA INGIN MELIHAT PERUBAHAN BERHUBUNG DENGAN PERKARA INI DAN MAHU PARA PENGUSAHA DENMARK MENINGKATKAN PENYERTAAN DAN PELABURAN DI SINI,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYEBUT MENGENAI SIKAP POSITIF DENMARK DALAM PELBAGAI BIDANG TERMASUK BANTUAN TEKNIKAL DAN KEMUDAHAN KREDIT YANG MEMANFAATKAN NEGARA INI. -- LAGI

2330MST 17 03 88

D443

R 8649 AAB

MAHATHIR - DENMARK 3 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MALAYSIA MENGHARGAI BANTAHAN DENMARK TERHADAP CADANGAN KESATUAN EKONOMI EROPAH (EEC) HENDAK MENGENAKAN CUKAI KE ATAS MINYAK SAYUR DAN LEMAK DARI MALAYSIA.

MALAYSIA JUGA MENGHARGAI SIKAP POSITIF DENMARK MENERIMA BESETENGAH DARIPADA PELARIAN YANG DIBERI PERLINDUNGAN OLEH MALAYSIA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MALAYSIA SEDAR AKAN TEKANAN YANG DIHADAPI OLEH DENMARK MENGENAI PERKARA INI DAN MENGHARGAI KESINAMBUNGAN PERANAN DENMARK MEMBANTU MENGURANGKAN JUMLAH PELARIAN DI NEGARA INI.

+DENMARK DAN MALAYSIA MEMPUNYAI PANDANGAN YANG SAMA MENGENAI BEBERAPA ISU ANTARABANGSA DEMI KEPENTINGAN KEDUA-DUA NEGARA TERUTAMA MENGENAI HUBUNGAN TIMUR-BARAT,+ KATA BELIAU.

+KEDUA-DUA NEGARA PERLU MENGGUNAKAN PENGARUH SECARA BERSAMA WALAUPUN TERHAD DEMI MENJAMIN KEAMANAN DAN KESELAMATAN ANTARABANGSA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- LAGI
2334MST 17 03 88

D444

R 8650 AAB

MAHATHIR - DENMARK 4 KUALA LUMPUR

(I)

BELIAU JUGA MEMPERSOALKAN KEJUJURAN KUASA-KUASA BESAR

+MEMANSUHKAN+ PELURU BERPANDU JARAK SEDERHANA.

+KUASA-KUASA BESAR NAMPAKNYA TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG DALAM BEBERAPA KONFLIK TEMPATAN,+ KATA PERDANA MENTERI.

DI ASIA TENGGARA, WALAUPUN PERANG VIETNAM TELAH BERAKHIR DAN KEAMANAN WUJUD DI RANTAU INI, TETAPI MALANGNYA HANOI MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MELANGGAR KAMPUCHEA.

KATA BELIAU, PARA PEMIMPIN ASEAN MASIH BERUSAHA Mencari PENYELESAIAN POLITIK YANG BERKEKALAN TERHADAP MASALAH INI. -- BERNAMA
2342MST 17 03 88